

## **Abstrak**

Desertasi ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kemajuan yang dicapai oleh negara Jepun mempunyai pertalian yang rapat dengan cara pemikiran rakyat yang dipengaruhi oleh mentaliti pulau (Shimaguni Konjo). Telah banyak kajian dibuat oleh sarjana Barat dan Timur yang mengaitkan kemajuan Jepun dengan sikap rakyatnya. Para sarjana mengulas tentang kesungguhan rakyat Jepun berusaha memacu kemajuan negara. Sikap tersebut dikaitkan dengan keadaan negara Jepun yang sentiasa menempuh bencana alam serta kekurangan bahan mentah. Keadaan begini menjadikan mereka lebih 'survival'. Daya tahan rakyat Jepun dikaitkan pula dengan kepercayaan mereka dengan agama Buddha dan Shinto serta gesaan positif Raja Jepun yang dianggap tuhan oleh penganut Shinto. Negara Jepun yang didiami oleh majoriti bangsa Jepun lebih mudah digerakkan ke arah satu kemajuan. Secara tidak langsung kenyataan yang mengaitkan kemajuan negara dengan unsur yang dinyatakan tadi ada kebetulannya. Tetapi sebagai pengkaji akademik, penulis cuba mengaitkan kepada beberapa unsur yang lebih mendalam lagi iaitu kedudukan negara pulau itu sendiri telah mengujudkan satu jenis pemikiran yang dipanggil mentaliti pulau (Shimaguni Konjo) sebagai pemangkin kepada kemajuan peradaban Jepun. Penulis tertarik dengan tajuk di atas kerana perkara itu ada kaitan dengan dasar kerajaan iaitu Dasar Pandang Ke Timur (Jepun, China dan Korea). Kejayaan di negara Jepun bermula sejak sebelum perang dunia kedua lagi. Apakah pemikiran dan tindakan orang Jepun ada kaitan dengan keadaan sekeliling? Bagaimana pula sikap orang Jepun di negara lain? Apakah mereka masih mengekalkan ciri-ciri hebat sewaktu di negara mereka? Atau mereka sendiri akan mengikut keadaan di negara mereka berada? Bagaimanapun, kajian ini hanyalah bersifat kajian luar, iaitu kajian orang luar ke atas orang Jepun. Dengan keterbatasan sumber asal, bahasa dan budaya Jepun serta kekurangan kefahaman tentang bangsa Jepun itu sendiri, nampaknya kajian harus dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi dan lebih teliti lagi. Harapan penulis agar kajian ini dapat menjadi asas panduan kepada pengkaji yang ingin melanjutkan kajian ke atas mentaliti pulau bangsa Jepun dengan kemajuan peradaban bangsa tersebut. Semoga kajian ini boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat Malaysia. Dapatan kajian ini akan dipaparkan di bahagian kesimpulan kajian. Dengan ini dapatlah dilihat sama ada mentaliti

pulau sebagai pemangkin kemajuan peradaban Jepun itu benar atau tidak atau terdapat hal lain yang benar-benar mempengaruhi pemikiran rakyat Jepun sehingga ke tahap moden sekarang.